

KONSEP KEINDAHAN DALAM ISLAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN SENI DAN SASTERA: SUATU PANDANGAN UMUM**

MOHD. KAMAL HASSAN (Ph.D.).**

“Sesungguhnya Allah adalah indah dan Ia mengasihi keindahan.”

– Maksud sebuah hadith Nabi Muhammad (s.a.w.)

“Keindahan bukan terletak kepada pakaian-pakaian yang mencantikkan kita: sesungguhnya keindahan adalah keindahan ilmu dan budi pekerti.”

– Maksud serangkap syair Arab

I

KEINDAHAN AL-KHALIQ DAN MAKHLUKNYA

Di dalam pandangan semesta (Weltanschauung) Islam, keindahan mutlak hanya dimiliki oleh Allah (s.a.w.) dan Ia merupakan “Nur yang menerangi langit dan bumi.”¹ Sebagaimana kejelekan diibaratkan dengan kegelapan malam dalam ayat al-Qur’an yang lain,² maka kalimah “nur” dikaitkan dengan keindahan yang mendasari seluruh ciptaan Allah di langit dan di bumi.

Sebagai Zat Yang Maha Indah, Allah telah menjadikan segala-galanya di atas prinsip keindahan sebagaimana firmanNya, “Dialah yang telah menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan bagus.”³ Mengenai kejadian isi dunia, Allah mengatakan, “Sesungguhnya kami telah jadikan apa yang ada di

*Kertas kerja seminar “Bahasa Dan Sastera”, anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 5-6 Julai 1980.

**Pensyarah di Jabatan Usuludin dan Falsafah F.P. Islam, UKM.

¹ Lihat al-Qur’an, 24:35.

² Sama, 10:27.

³ Sama, 32:7.

bumi sebagai perhiasan baginya, kerana kami hendak memberi percubaan kepada mereka: siapakah dari antara mereka yang baik amalannya".⁴

Kebagusan dan kecantikan bukan saja sedia terukir pada benda-benda alami, tetapi juga di dalam pertalian pengalaman insan dengan haiwan seperti yang diterangkan di dalam ayat-ayat berikut yang bermaksud:

"Dan binatang-binatang ternak itu Ia jadikan bagi kamu . . .

Dan bagi kamu, padanya ada kecantikan tatkala kamu kembalikannya di waktu petang dan tatkala kamu keluarkannya [dari kandang pada waktu pagi]. Dan mereka bawa beban-beban kamu ke satu negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menyusahkan diri;

Sesungguhnya Tuhan kamu Pencinta dan Penyayang. Dan (Ia jadikan) kamu tunggangi mereka dan sebagai perhiasan, dan Ia jadikan apa yang kamu tidak tahu."⁵

Keindahan juga terdapat di cakrawala untuk manusia menatapinya, sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya Kami telah jadikan di langit bintang-bintang dan Kami hiasinya bagi orang-orang yang mahu melihat."⁶

"Sesungguhnya Kami telah hiasi langit yang dekat ini dengan satu perhiasan, iaitu bintang-bintang."⁷

Kemudian, di dalam baqa Syurga merupakan tempat kembali yang paling indah,⁸ tempat yang "tidak sesiapa pun tahu perkara-perkara yang menyenangkan penglihatan yang tersimpan bagi mereka sebagai balasan terhadap kebaikan yang mereka telah lakukan."⁹ Kemuncak kebahagiaan di Syurga ialah apabila insan diizinkan menatap keindahan dari segala keindahan – wajah Allah sebagai Keindahan Yang Mutlak:

"Beberapa muka di hari itu berseri-seri memandang kepada Tuhan-nya."¹⁰

⁴ Sama, 18:7.

⁵ Sama, 16:5–8 dan bandingkan dengan 2:69.

⁶ Sama, 15:16.

⁷ Sama, 37:6.

⁸ Sama, 25:76; 38:25.

⁹ Sama, 32:17.

¹⁰ Sama, 75:22–23.

Menurut al-Qur'an, manusia selaku wakil (Khalifah) Allah di bumi, mempunyai keindahan zahir dan batin yang sengaja dianugerahkan Allah kepadanya.

“Sesungguhnya Kami telah jadikan manusia atas sebaik-baik kejadian.”¹¹

“Allahlah yang telah jadikan bumi untuk kamu sebagai tempat ketetapan, dan langit sebagai bangunan; dan Ia telah jadikan kamu, lalu dijadikan bentuk-bentuk kamu bagus dan indah . . .”¹²

“Dan [perhatikanlah] jiwa [manusia] dan Dia Yang telah memberikannya kesempurnaan bentuk . . .”¹³

Abdullah Yusuf Ali, pengarang tafsir *The Holy Qur'an: Text, Translation and Commentary*, menterjemahkan ayat itu dengan “by the Soul, and the proportion and order given to it.” Di dalam tafsirnya ia berkata bahawa Allah telah memberikan “order, proportion and relative perfection” kepada jiwa insan untuk membolehkan insan menyesuaikan dirinya dengan keadaan-keadaan yang akan ditempuhnya di dalam kehidupan. Allah memasukkan ke dalam jiwa insan kefahaman tentang makna dosa, kesalahan, kebaikan dan keburukan. Inilah, katanya “anugerah yang paling bernilai kepada manusia.” Kejayaan, kebahagiaan dan kemajuan manusia bergantung kepada kesanggupannya menjaga kemurniaan jiwa yang diberikan Allah kepadanya.

TANGGUNGJAWAB INSAN SEBAGAI MAKHLUK YANG INDAH

Sebagai “the comeliest specimen of God's handiwork,”¹⁴ dan sebagai hamba (*'abd*) kepada Allah s.w.t., insan ditugaskan oleh Pencipta dan Pentadbirnya supaya berfikir, berkata, berbuat dan berkarya sesuai dengan statusnya yang amat tinggi – iaitu selaku Wakil (*Khalifah, Vicegerent*) Allah di bumi – dan sekaligus serasi pula dengan jiwanya yang mempunyai

¹¹ Lihat sama, 95:4.

¹² Lihat sama, 40:64.

¹³ Lihat sama, 91:7.

¹⁴ Maulana Abdul Majid Daryabadi, *English Translation and Commentary of the Holy Qur'an*, h. 956, n. 438.

sifat-sifat kemurnian dan keluhuran yang berpunca dari Allah sendiri. Beberapa aspek dari tugas itu perlu dijelaskan:

1. Allah menghendaki hamba-hambaNya memperelokan keimanan dan amalan mereka, serta mengharapkan ganjaran-ganjaran yang baik lagi indah daripadanya;

“Dan siapakah yang lebih bagus agamanya (iman dan amal) daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah di samping ia berbuat kebaikan . . . ”¹⁵

“Dan bendaklah kamu memohon keampunan dari Tuhan kamu, kemudian kembalilah kepadanya, tentu Ia akan berikan kepada kamu satu kesenangan yang baik dan indah hingga satu masa yang tertentu . . . ”¹⁶

“Bagi orang-orang yang berbuat kebaikan (dengan memperelokan perbuatan mereka), disediakan ganjaran yang indah dan baik dan diberi tambahan di atas itu . . . ”¹⁷

“ . . . Orang yang telah melakukan kezaliman, kemudian ia menggantikan kejelekan itu dengan kelakuan yang baik lagi elok, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun, Maha Penyayang. ”¹⁸

2. Mengenai tugas insan untuk memperlihatkan keindahan dalam peribadi, al-Qur'an menghendaki, antara lain, keindahan dalam berkata-kata:

“ . . . Dan ucapkanlah perkataan-perkataan yang baik dan indah kepada manusia . . . ”¹⁹

Di samping itu Allah menjelaskan bahawa kata-kata dan bahasa yang paling indah ialah kata-kata yang menyeru kepada apa yang diredhai Allah dan perbuatan-perbuatan yang baik:

¹⁵ Lihat al-Qur'an, 4:125.

¹⁶ Sama, 11:3.

¹⁷ Sama, 10:26.

¹⁸ Sama, 27:11.

¹⁹ Sama, 2:83.

“Dan tidak ada orang yang lebih baik perkataannya daripada (manusia) yang mengajak (melalui bahasanya) ke jalan Allah, serta beramal salih dan berkata: ‘Bahwasanya aku seorang daripada kaum Muslimin’.”²⁰

Keindahan dalam tingkah laku terhadap ibu bapa dituntut, antara lain, dalam ayat yang bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat kebaikan kepada ibu bapanya . . .”²¹

Keindahan dalam seruan agama dan berdialog ditegaskan di dalam perintah:

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan bijaksana dan kata-kata yang elok, dan berhujablah dengan mereka dengan cara-cara yang lebih baik dan lebih elok.”²²

3. Adapun mengenai kehidupan fizikal, al-Qur'an menjelaskan tugas insan supaya memperindahkannya dengan berbagai-bagai cara dalam batas yang ditentukan oleh nilai-nilai dan norma-norma Islam.

“Katakanlah: ‘Siapakah yang mengbaramkan perhiasan-perhiasan yang indah yang Allah sediakan untuk hamba-hambaNya dan barang-barang yang baik dari (limpahan) kurniaNya?’ Ia adalah untuk orang-orang yang beriman dalam hidup di dunia dan khusus untuk mereka pada Hari Kiamat . . .”²³

Mengenai pakaian, al-Qur'an menerangkan bahawa satu daripada fungsi pakaian ialah mencantikan peribadi insan, tetapi sebaik-baik pakaian ialah sifat taqwa yang meliputi keseluruhan diri.

“Wahai keturunan Adam! Sesungguhnya Kami telah turunkan atas kamu pakaian untuk menutup kemaluan-kemaluan kamu, dan sebagai alat untuk pengindahan; dan pakaian taqwa (yang mengbiassi jiwa) adalah yang lebih baik. Yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda (kurnia) Allah, supaya mereka mendapat peringatan.”²⁴

²⁰ Sama, 41:33.

²¹ Sama, 29:8.

²² Sama, 16:125

²³ Sama, 7:32.

²⁴ Sama, 7:26.

*"Wabai keturunan Adam! Pakailah perbiasan kamu pada tiap-tiap masa dan tempat kamu lakukan sembahyang; dan makanlah dan minumlah, tetapi janganlah kamu melewati batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melewati batas."*²⁵

Kesimpulan:

1) Allah, Tuhan yang mempunyai segala sifat-sifat yang baik (Q, 7:180), seperti *al-Jamal* (Maha Indah), *al-Jalal* (Maha Agung) dan *al-Kamal* (Maha Sempurna), menuntut pengindahan setiap aspek daripada kehidupan insan: kerohanian, moral, intelektual dan fizikal. Tuntutan ini disimpulkan dengan indahnyanya dalam sepotong hadith yang berbunyi:

*"Inna 'ILaba kataba'I-ibšana 'ala kulli shai'"*²⁶

*Artinya: "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan pelaksanaan al-ihsan (kebaikan, keindahan, penyempurnaan dan keelokan) dalam semua perkara."*²⁷

2) Menurut al-Qur'an, nilai kerohanian yang tersimpul dalam iman dan taqwa kepada Allah, adalah nilai yang tertinggi, diikuti oleh nilai-nilai moral, intelektual dan fizikal.

3) Konsepsi al-Qur'an tentang keindahan menghubungkannya dengan tujuan-tujuan yang direldhai oleh Allah. Terdapat keserasian antara tujuan dan cara.

4) Keindahan yang sebenar mempunyai ciri-ciri ketaqwaan, keimanan, kemurnian, kedalaman, keharmonian, keseimbangan, proporsi, peraturan dan kesempurnaan.

5) Oleh kerana insan adalah hamba dan Khalifah Allah di bumi (Q, 2:30; 6:165; 33:72; 35:39), seluruh hasil kebudayaannya termasuk sastera, untuk dikira indah di sisi Allah, tidak harus mengkontradik peranan pengabdian dan perwakilan tadi. Tidak ada keindahan di dalam pengingkaran atau kemaksiatan terhadap Pencipta dan Pentadbir seluruh alam.

²⁵ Sama, 7:31.

²⁶ Sahih al-Muslim.

²⁷ Rasulullah (s.a.w.) telah memerintahkan orang-orang Islam supaya memenuhi tuntutan-tuntutan estetika walaupun dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan mengkafankan mayat, menyediakan kubur, membunuh binatang dan membunuh musuh di medan peperangan. (Lihat *Mishkat al-Masabih*, "Bab Ghushi al-Mayyit", h. 143; dan "Kitab al-Said", 3357).

II

HUBUNGAN KONSEPSI KEINDAHAN DALAM ISLAM DENGAN SASTERA

Berbicara tentang hubungan sebarang nilai Islam dengan sebarang kegiatan manusia, kita terpaksa berhadapan awal-awal lagi dengan dua kenyataan pokok. Pertama, bahawa skop keagamaan (*religiosity*) Islam dan nilai-nilainya merangkumi seluruh aspek kemanusiaan-jasmaniah, akliah, rohaniah – sebagai manifestasi dari sifat tidak terbatasnya kuasa dan kehendak Allah, Pencipta dan Pentadbir alam semesta. Kedua, ialah manusia diberi tugas dan ditentukan peranannya oleh Pencipta dan Pentadbir tadi. Apabila kedua-dua premis itu diterima sebagai benar-benar sebahagian daripada hakikat dan makna keislaman, maka mudahlah kita memahami perbezaan-perbezaan pandangan mengenai batas-batas kesenian atau peranan sastera dan sasterawan di antara *Weltanschauung* Islam dengan *Weltanschauungen* bukan Islam.

Di dalam *Weltanschauung* Islam, tentulah tidak ada tempat bagi gagasan seperti “autonomy of the aesthetic” atau “experience as the supreme value” kerana semua konsepsi itu terbit daripada asumsi dasar bahawa insan adalah “autonomous” dalam berkebudayaan, dan oleh kerana itu ia bebas melakukan apa saja yang dikehendakinya dengan kekreatifannya, instituisinya, dan imajinasinya. Ia boleh berpindah dari satu eksperimen ke satu eksperimen dalam kesenian untuk menyatakan betapa *avant-gardenya* ia. Ia boleh mengikut aliran nihilisme, realisme sosialis, hedonisme, existentialisme, absurdisme, romantisme, humanisme sekular, atau apa saja trend yang “fashionable”. Ia boleh menjadikan “media” sebagai “message” seperti dalam dekad 60-han dan mengetengahkan “the package” sebagai “the product” seperti yang berlaku dalam dekad 70-han.²⁹ Tidak dirasakan adanya hubungan yang organis antara bentuk dan isi, alat dan matalamat. Karya dipisahkan daripada karyawan, dan berbagai teori diciptakan mengenai seni – seni sebagai “imitation”, seni sebagai “pleasure”, seni sebagai “play”, seni sebagai “empathy”, seni sebagai “communication”, seni sebagai “expression” dan seni sebagai “experience”.

Kemudian pengaruh nilai-nilai liberal, sekular dan *permissive* memisahkan apresiasi karya-karya sastera daripada penilaian moral tentang peribadi si karyawan.

Dalam perspektif Islam, penghasilan seni dan sastera hendaklah bertujuan, antara lain, meninggikan apresiasi manusia tentang semua nilai-nilai

²⁹ Lihat *Time*, Dec. 24, 1979.

yang baik, murni dan diredhai oleh Allah s.w.t. Dan seni dan sastra yang tinggi nilainya ialah yang boleh mendorong ke arah pencapaian tingkat ketaqwaan, kemakrufan, kesalihan, dan budi yang lebih mantap. Ia harus bersifat demikian kerana manusia yang menciptanya tidak diberi peranan lain selain daripada peranan pengabdian kepada tujuan-tujuan Ilahi dan kekhalifahan dunia atas nama Allah. Tambahan pula daya ciptanya, imajinasinya, akalanya, intuisinya dan lisannya bukan diciptanya sendiri, tetapi dianugerahkan Allah kepadanya sebagai barang-barang *amanah* yang penggunaannya harus dipertanggungjawabkan kemudian hari kepada Penciptanya yang sebenar. Ia harus menjaga alat-alat “pinjaman” itu daripada dipengaruhi oleh nafsu atau disalahgunakan untuk mencapai kepentingan-kepentingan egoistis dan Setanis.

ANTARA MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM

Walaupun peranan pengabdian kepada tujuan-tujuan Ilahi dan kekhalifahan atas nama Allah didekritkan oleh Allah sendiri, namun manusia mempunyai kebebasan untuk memilih jalan ketaatan atau jalan keingkaran. Sastrawan-sastrawan yang berfahaman humanisme sekular, existentialisme, atheisme, agnostisme, skepticisme, naturalisme dan materialisme sekali-kali tidak melihat diri mereka sebagai hamba-hamba Allah atau khalifah-khalifah Allah. Oleh kerana itu teori-teori mereka tentang sastra tidak memperlihatkan hubungan antara nilai-nilai agama dan sastra. Sebaliknya pemikir-pemikir Barat yang menghargai nilai agama seperti Jacques Maritain dan Pitirim Sorokin menegaskan adanya ikatan antara “keindahan estetika” dan “keindahan transcendental.”³⁰

Menurut Pitirim Sorokin, dalam masyarakat yang memberikan nilai yang tinggi kepada peranan agama dalam masyarakat, “nilai keindahan dan seni . . . tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai tinggi yang lain: Tuhan, kebenaran, kebaikan . . .”³¹ Pitirim Sorokin amat menyesali seni atau sastra yang dilahirkan oleh kebudayaan yang terlalu mementingkan perasaan indera (“*Sensate culture*”). Katanya:

“Sesuai dengan prinsip tertinggi dalam kebudayaan *sensate*, seni yang *sensate* hidup dan bergerak seluruhnya dalam rangka dunia indera yang empiris . . . Tujuan seni yang *sensate* ialah untuk memberikan

³⁰ Lihat Jacques Maritain, *Creative Intuition in Art and Poetry* (New York: New American Library, 1953), 122–128.

³¹ Pitirim A. Sorokin, *The Basic Trends of Our Times*, (New Haven: College and University press, 1953) h. 57.

kepuasan yang halus kepada pancaindera, kerehatan, stimulasi kepada urat saraf yang lesu, kesukaran, kesenangan dan hiburan. Kerana itu ia harus bersifat *Sensational . . . dan sentiasa baru . . . Ia terpisah daripada agama, akhlak . . . dan nilai-nilai lain . . .*”³²

Pitrim Sorokin membandingkan “*sensate art*” dengan “*ideational art*” yang bernafaskan nilai-nilai agama. Tujuan “*ideational art*” ialah “bukan untuk menghibur, menyukakan atau memberi kesenangan, tetapi untuk membawa *the believer* kepada keadaan yang lebih harmonis dengan Tuhan.”³³ Ia mengatakan bahawa manusia mendapat pengetahuan melalui tiga saluran – pancaindera, akal dan “*supraconscious*”. *Supraconscious* inilah yang, menurut beliau berada di sebalik segala kejayaan-kejayaan besar dalam sains, agama, falsafah, teknologi, dan lain-lain. Bagi orang-orang Islam, *supraconsciousness* ini tidak lain dari intuisi atau ilham yang datang daripada Allah.

Pentingnya disebut tentang peranan *supraconsciousness* ini ialah dalam hubungannya dengan masalah mendapatkan ilham untuk mencetuskan karya-karya seni atau sastera. Dalam pandangan ahli-ahli kerohanian Islam, untuk membolehkan seseorang mendapat ilham yang sekaligus indah, lohor dan tinggi nilai estetika dan moralnya, sehingga ia kadang-kadang mencapai kebenaran dan hakikat di sebalik fenomena, jiwa seseorang itu harus menjalani proses penyucian yang serius, intensif dan terarah. Dari usaha *takziyah an-nafs* (penyucian jiwa) inilah akan lahir inspirasi-inspirasi yang amat bermakna dan bermanfaat sehingga apabila ia dituangkan ke dalam wadah bahasa, ia akan menjadi sastera yang bermutu tinggi kerana di dalamnya bergabunghlah keindahan dan kebenaran. Hal ini perlu mendapat perhatian mereka-mereka yang menganut agama Islam tetapi mengharapkan akan mendapat inspirasi-inspirasi yang lohor dari pengalaman-pengalaman yang sama sekali bertentangan dengan fitrahnya dan kaedah *takziyah an-nafs* yang terdapat di dalam tradisi kehidupan kerohanian Islam.

Menyedari akan implikasi-implikasi keislaman di atas peribadi dan penciptaan seni atau sastera adalah tidak masuk akal sekiranya seniman dan sasterawan yang beragama Islam masih terus menganggap bahawa agamanya tidak ada kaitan dengan karyanya. Selagi ia mengakui dirinya sebagai *Muslim* (orang yang tunduk kepada peraturan Allah), hamba dan

³² Sama, h. 21.

³³ Sama, h. 20.

khalifah Allah, ia harus menyesuaikan karyanya dengan nilai-nilai dan norma-norma yang ditentukan oleh Allah.

Sebagai seniman dan sasterawan yang beragama Islam, mereka perlu merenungi secara serius dan objektif, buah-buah fikiran berikut yang sangat relevan dengan bidang kekreatifan mereka:

1. "Sekiranya kita ingin memahami seni, setiap perbandingan dengan idea seni sebagaimana yang ditanggapi oleh dunia Barat harus dilihat melalui kacamata yang berlainan. Dalam Islam seni dan kepercayaan agama adalah satu gabungan yang tidak dapat dipisahkan; tetapi di dalam rangka hukum-hukum yang ketat, para seniman mempunyai kebebasan yang cukup untuk menciptakan karya-karya kreatif yang, meskipun pada penglihatan pertama mungkin tidak menarik minat seorang Barat, akhirnya akan berjaya menakjubkannya."³⁴
2. "Dengan budaya Islam, saya tidak bermaksud budaya yang berasal dari sumber-sumber tertentu dan dihasilkan pada waktu yang tertentu oleh orang-orang yang menganut agama Islam, tetapi yang dimaksudkan ialah suatu jenis budaya yang dituntut oleh suatu agama yang mana kemajuan manusia merupakan tujuannya yang nyata dan tegas."³⁵
3. "Budaya Islam tidak bertujuan memperelokkan dan memperhaluskan barang-barang tambahan dalam kehidupan manusia. Ia bertujuan untuk memperindahkan dan mempermulikan hidup manusia itu sendiri."³⁶
4. "Budaya Islam begitu erat sekali terjalin dengan agama, [dan] begitu penuh dengan idea kekuasaan sarwajagat Allah . . . Dalam masa keagungannya dan masa kemerosotannya, kebudayaan Islam — baik ditinjau dalam lapangan ilmu, atau seni, atau sastera, atau kebajikan masyarakat — selalu dan di mana saja mempunyai hubungan keagamaan dengan idea keseluruhan kekuasaan Tuhan yang universal dan serba mempengaruhi."³⁷

Kesimpulan

Kesimpulannya, budaya Islam — di sini yang dimaksudkan dengan budaya ialah satu arena *expressive symbolism* yang menyangkut seni lukis,

³⁴ Carel, J. Du Ry, *Art of Islam* (New York: Harry N. Abrams, Inc., 1961), h. 7.

³⁵ Marmaduke Pickthall, *Cultural Side of Islam* (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1961), h. 2.

³⁶ *Ibid*, h. 3.

³⁷ *Ibid*, h. 22.

seni muzik, seni suara, seni bina, seni pahat, puisi dan prosa – merupakan penjabaran secara konkrit dari semangat yang lahir dari pandangan semesta Islam mengenai Tuhan, alam, manusia dan kehidupan. Ia merupakan pertemuan antara *al-jamal* (keindahan) dan *al-baqq* (kebenaran) di dalam pengalaman insan yang Muslim.³⁸ Ia merupakan sejenis budaya yang disebut oleh Daniel Bell sebagai “*high culture*”, budaya yang serius yang harus dibedakan dengan “*mass culture*”, budaya untuk hiburan yang berjaya melahirkan “*commercialization*” “*standardization*” dan “*artificiality*”.³⁹

Seni dan sastera yang dituntut oleh Islam mendapatkan visi hidupnya dan visi keindahannya daripada al-Qur'an yang amat nyata memperlihatkan pertemuan yang sempurna antara Kebenaran, Kebaikan dan Keindahan bahasa. Di dalamnya keindahan bahasa berfungsi bukan semata-mata untuk menimbulkan kesenangan estetika tetapi berkhidmat untuk memperjelaskan nilai-nilai dan aspirasi-aspirasi kebenaran yang universal dan abadi. Bentuk dan isi, tujuan dan cara, media dan message menjadi sepadu. Tujuan keagamaan (*al-gharad ad-dini*) dan tujuan kesenian (*al-gharad al-fanni*) bertemu secara paling harmonis dalam satu pengalaman yang suci.

Melalui pengalaman yang suci itu – iaitu pengalaman yang terbentuk dari apresiasi dan penghayatan al-Qur'an secara serius – kita akan bertemu dengan suatu jenis kemanusiaan yang benar. Kemanusiaan yang dicari dalam beberapa variasi faham Humanisme – dari Humanisme Renaissance, Humanisme saintifik, Humanisme naturalistik, Humanisme demokratik, Humanisme sekular, Humanisme atheistik, Humanisme pragmatik dan Humanisme integral⁴⁰ – semuanya menekankan apa yang dikatakan oleh P. Mesnard sebagai “nilai yang luarbiasa tingginya diberikan kepada manusia” (“*la valeur exceptionnelle de l'homme*”),⁴¹ tetapi manusia di situ ialah manusia yang “*autonomous*” yang menekankan “*self-liberation*” bukan manusia “*theonomous*” atau manusia “*theomorphic*”. Adapun kemanusiaan yang dicapai melalui pengalaman suci *ala*

³⁸ Lihat Muhammad Quth, *Manhaj al-Fann al-Islami* (Bairut: Dar ash-Shuruq, t.t.), h. 6, 266.

³⁹ Lihat Daniel Bell, *The Cultural Contradictions of Capitalism* (London: Heinemann, 1968) h. 26–74.

⁴⁰ Lihat Corliss Lamont, *The Philosophy of Humanism* (New York: Frederick Ungar Co., 1972).

⁴¹ G.E. Von Grunebaum, *Modern Islam: The Search for Cultural Identity* (New York: Vintage Books, 1964).

al-Qur'an ialah *insaniyyah* yang mengenali Pencipta dan Pentadbirnya dan berusaha untuk merealisasi hidup yang paling mulia, damai dan mesra dengan Tuhan, alam dan makhluk. Ringkasnya, insaniah yang di samping memperkuat rasa setiakawannya dengan penderitaan manusia sejagat, sekali-kali tidak mengingkari tuntutan fitrahnya sendiri, apa lagi memperkecilkan Sumber kewujudannya sendiri, iaitu Allah (s.w.t.). Di dalam insaniah yang kedua inilah terpancar keindahan yang sebenar, kerana ia menemukan dalam dirinya Kebenaran dan rasa kemanusiaan. Apakah ada pilihan lain untuk sasterawan yang beragama Islam daripada menghayati dan mencerminkan "kemanusiaan ketuhanan" ini dalam karyanya?